

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 01 JUN 2016 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI jangka 145 lagi produk R&D dikomersialkan tahun ini	BERNAMA
2.	142 produk dikomersialkan	Harian Metro
3.	Saintis wanita kurang menonjol	Berita Harian
4.	Taking on the STEM challenge	New Straits Times
5.	DNA of Constitution 'at risk'	The Star
6.	Reject any law againts Constitution, Sabah leader urges	The Star
7.	PAS ready to explain Bill to detractors	Malay Mail
8.	Matter was raised in cabinet on May 20	New Straits Times

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 01 JUN 2016 (RABU)



MOSTI Jangka 145 Lagi Produk R&D Dikomersialkan Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menjangkakan 145 lagi produk hasil penyelidikan dan pembangunan akan dikomersialkan tahun ini.

[Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata sehingga akhir 2015, 132 daripada 360 produk inovasi yang disasarkan pada 2020, dihasilkan oleh institut penyelidikan, universiti dan agensi pembangunan teknologi, telah memasuki pasaran.

Beliau berkata di bawah Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016, kementerian itu menetapkan matlamat bagi menyelaras usaha untuk meningkatkan pengkomersialan penyelidikan, pembangunan dan inovasi, serta membangunkan ekosistem pengkomersialan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 54
TARIKH: 01 JUN 2016 (RABU)

142 produk dikomersialkan

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mencatatkan 142 produk yang dikomersialkan sejak 2014 hasil daripada aktiviti penyelidikan tempatan, sekali gus menjadikannya berada di landasan betul mencapai 360 produk dikomersialkan menjelang 2020.

Sejak Januari hingga Mei 2016, 10 produk dikomersialkan dan 145 produk penyelidikan dalam proses dipasarkan yang dijangka diperkenalkan secara berperingkat pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, geran diperuntukkan kerajaan untuk aktiviti mengkomersialkan produk berjaya apabila prestasi ditunjukkan dari tahun ke tahun semakin baik.

Beliau berkata, perkara itu dilihat dengan angka produk dikomersialkan pada 2014 sebanyak 65 produk dan meningkat kepada 67 pada tahun lalu.

“Aktiviti mengkomersialkan produk hasil penyelidikan bukan sesuatu yang mudah dan pantas kerana ia memerlukan masa menghasilkan sesuatu yang berkualiti, sambutan pengguna serta selamat.

“Malah, kita juga berasa gembira apabila terdapat produk komersial daripada aktiviti penyelidikan ini berjaya menembusi ke beberapa pasaran asing yang mana ia menunjukkan produk Malaysia mempunyai kualiti serta setaraf produk antarabangsa,” katanya selepas majlis pelancaran produk Bionexus, di sini, semalam.



ABU Bakar (tengah) dan Pengerusi Biotechnology Corporation, Prof Zakri Abdul Hamid (dua dari kiri) pada majlis pelancaran produk Bionexus, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (WANITA) : MUKA SURAT 38
TARIKH : 01 JUN 2016 (RABU)



[FOTO HIASAN]

Info

Saintis wanita

- Doktor purba Mesir, Merit-Ptah direkodkan sebagai saintis wanita terawal dalam sejarah sains.
- Antara tahun 1650 dan 1710 seramai 14 peratus daripada ahli astronomi Jerman adalah wanita.
- Ahli astronomi wanita terkemuka di Jerman adalah Maria Winkelmann.
- Rakyat Itali, Maria Gaetana Agnesi adalah wanita pertama yang dilantik sebagai profesor matematik di universiti pada kurun ke-18.
- Marie Skłodowska-Curie adalah saintis wanita pertama memenangi hadiah Nobel (fizik) dalam tahun 1903.
- Prof Datin Paduka Khatijah Yusoff - saintis wanita tempatan dinobatkan Muslim-Science.com sebagai 20 wanita Islam berpengaruh dalam bidang sains di dunia Islam.

Sumbangan wanita dalam bidang sains perlu diiktiraf.

Saintis wanita kurang menonjol

MOSTI mahu organisasi dedah pencapaian, iktiraf sumbangan mereka

Oleh Norhafzan Jaafar hafzan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia melahirkan ramai saintis wanita cemerlang yang memberi sumbangan dalam bidang masing-masing, tetapi kurang diberi pendedahan hingga nama mereka kurang menonjol berbanding saintis lelaki.

Justeru, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang berusaha menegenahkan golongan tersebut termasuk memberi banyak pendedahan di media masa berkaitan pencapaian dalam pelbagai bidang sains.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, berkata sejak April lalu, kementerian sudah mengumpulkan wa-

nita yang cemerlang dalam bidang sains dan teknologi sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa untuk mengiktiraf sumbangan mereka.

Katanya, Malaysia ada ramai saintis wanita cemerlang. Sayangnya pencapaian mereka kurang didedahkan kepada umum kerana kurang inisiatif daripada organisasi masing-masing untuk menonjolkan kewibawaan mereka.

MOSTI hargai wanita

"Pencapaian mereka membanggakan dan jumlahnya juga semakin meningkat. MOSTI memulakan langkah memberi penghargaan kepada wanita yang cemerlang dan banyak menyumbang dalam pelbagai bidang sains di negara ini.

"Kita harap selepas ini lebih banyak pendedahan diberikan ke-

pada wanita dalam bidang itu. Sekarang ada perkembangan positif apabila semakin banyak media menyiarkan artikel mengenai kejayaan saintis wanita," katanya mengulas mengenai penyertaan saintis wanita di negara ini.

Noorul Ainur berkata, keutamaan beliau sekarang mendekati MOSTI di hati rakyat kerana mereka ada kaitan rapat antara bidang sains dan teknologi dengan kehidupan seharian.

Antara langkah kementerian memastikan setiap program dan aktiviti dijalankan adalah menjurus kepada keperluan rakyat.

Sementara itu, Presiden Women in Nuclear Malaysia (WIN), Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, berkata walaupun bilangan saintis wanita di negara ini ramai, tetapi kurang diberi peluang menonjolkan diri untuk

menerajui organisasi saintifik atau dilantik ke peringkat pengurusan tertinggi.

Diskriminasi jantina

Memberi contoh dalam bidang nuklear yang memiliki hampir 44 peratus saintis wanita, Noor Hasnah berkata, sehingga kini belum ada dalam kalangan mereka di peringkat pengurusan tertinggi biarpun pengalaman dimiliki jauh lebih luas dan lama berbanding saintis lelaki.

"Kalau ada pun dalam bidang sains secara keseluruhan sehingga kini hanya Prof Datuk Dr Mazlan Othman diberi peluang mengetahui Agensi Angkasa Negara (Angkasa) kerana beliau adalah satu-satunya pakar astrofizik ketika itu," katanya yang melihat keadaan itu sebagai diskriminasi jantina.

SAINTIS WANITA

Reaksi



Malaysia ada ramai saintis wanita cemerlang. Sayangnya pencapaian mereka kurang didedahkan kepada umum kerana kurang inisiatif daripada organisasi masing-masing untuk menonjolkan kewibawaan masing-masing"

Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha MOSTI



Kalau ada pun dalam bidang sains secara keseluruhan sehingga kini hanya Prof Datuk Dr Mazlan Othman diberi peluang mengetahui Agensi Angkasa Negara (Angkasa) kerana beliau adalah satu-satunya pakar astrofizik"

Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, Presiden Women in Nuclear Malaysia

